

STRUKTUR LUARAN DAN DALAMAN TEKS DALAM BUKU ILMIAH DAN BUKU KREATIF TERPILIH

Sharil Nizam Sha'ri (Ph.D)

Universiti Putra Malaysia
sharil@upm.edu.my

Mohamad Suhaizi Suhaimi

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, Johor
suhaizisuhaimi@yahoo.com

Nor Azuwan Yaakob

Universiti Putra Malaysia
azuwan@upm.edu.my

Zuraini Seruji (Ph.D)

Universiti Malaysia Sarawak
szuraini@unimas.my

Norul Haida Redzuan

Universiti Pendidikan Sultan Idris (Ph.D)
haida@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Masih ada pelajar bidang penerbitan atau penulisan yang tidak dapat membezakan struktur luaran dan dalaman buku ilmiah dan bukan ilmiah, walaupun sudah mengenali buku, majalah, novel, cerpen dan tesis sepanjang menuntut ilmu di universiti. Hal ini kerana setiap jenis penerbitan mempunyai struktur khas yang tersendiri bersesuaian dengan kumpulan sasaran pembelinya dan gaya penulisannya. Malah sumbangan atau manfaat pelbagai jenis penerbitan ini, sama ada ilmiah dan bukan ilmiah ini tidak diketahui secara menyeluruh sebagai sumber data primer atau sekunder dalam menghasilkan tugas dan penulisan tahun akhir yang berkualiti. Justeru, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk mengenal pasti struktur luaran dan dalaman dalam kalangan pelajar Minor Penulisan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan membincangkan struktur luaran dan dalaman buku ilmiah dan bukan ilmiah yang terpilih. Dalam kajian ini, sebanyak satu (1) buku ilmiah dan satu (1) buku bukan ilmiah yang dihasilkan oleh penulis yang juga pensyarah di FBMK UPM, Serdang, Selangor. Pemilihan data kajian secara rawak dan analisis teks dilakukan untuk meneliti dan menganalisis struktur luaran dan dalaman buku tersebut. Pendekatan Gaya Dewan iaitu bahagian dalam buku yang diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka diterapkan dalam metodologi dan analisis dapatan kajian. Secara umumnya, buku ilmiah dan bukan ilmiah mempunyai struktur luaran dan dalaman yang berbeza dan memberikan keunikan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pembaca.

Kata Kunci: *Struktur luaran, struktur dalaman, buku ilmiah, buku bukan ilmiah,*

Pengenalan

Biar apa-apa pun pandangan dan persepsi individu terhadap buku, sama ada positif, neutral atau negatif, buku tetap diperlukan pada setiap masa sebagai bahan bacaan dan rujukan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Malahan, untuk membaca bukannya perkara yang mudah kepada semua kerana mesti mempunyai minat dan menjadi amalan untuk membaca. Justeru, penghasilan buku hendaklah yang terbaik dan berkualiti supaya dapat menghasilkan buku yang memberikan ilmu dan berdaya tarikan yang kuat untuk dibeli dan dibaca oleh masyarakat. Berdasarkan kesedaran ini, kajian yang bertajuk ‘Struktur luaran dan dalaman teks dalam buku Ilmiah dan buku kreatif terpilih’ dijalankan dengan objektif untuk mengenal pasti struktur luaran dan dalaman dalam kalangan pelajar Minor Penulisan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan membincangkan struktur luaran dan dalaman buku ilmiah dan bukan ilmiah yang terpilih. Dalam kajian ini, sebanyak dua (2) buku ilmiah dan dua (2) buku bukan ilmiah yang dihasilkan oleh penulis yang juga pensyarah di FBMK UPM, Serdang, Selangor.

Sorotan Kajian Terpilih

Menurut Brotowijoyo (1959: 8-9), karya ilmiah merupakan karangan ilmu pengetahuan yang menyajikan fakta dan ditulis menurut metodologi penulisan yang baik dan benar. Manakala, menurut Eko Susilo, M (1995: 11), karangan adalah suatu karangan atau tulisan yang diperoleh sesuai dengan sifat keilmuan dan didasari oleh hasil pengamatan, peninjauan dalam bidang tertentu dengan sistematik, dan penulis yang bersantu bahasa dan isinya dapat dipertanggungjawabkan kebenaran atau keilmuannya.

Dalam penghasilan sesebuah buku ilmiah kriteria-kriteria atau garis panduan penghasilan buku ilmiah haruslah diberikan tumpuan sepenuhnya agar karya yang dihasilkan bermutu dan berkualiti tinggi. Kriteria-kriterian penting dalam penghasilan buku dinilai dari kulit buku hinggalah kepada isinya. Perbincangan ini akan mengulas buku ilmiah yang dipilih iaitu yang bertajuk “Sastera Bandingan Dan Sejarah Sastera” karya Ayu Sutarto. Buku ilmiah yang baik haruslah mengandungi judul buku, senaraikan kandungan, prelim, ilustrasi, jadual dan senarai jadual, teks yang mengandungi bab-bab, catatan hujung/endnote, semua bahagian akhiran seperti lampiran, rujukan, dan indeks.

Data dan Metodologi

Dalam menjalankan kajian ini, satu buku ilmiah dan kreatif yang dihasilkan oleh pensyarah FBMK UPM dipilih, yang berdasarkan pilihan secara rawak pelajar dan analisis teks dilakukan oleh pelajar jurusan penulisan, Jabatan Bahasa Melayu, FBMK, UPM.

Jadual 1: Struktur luaran dan dalaman yang diberikan oleh pelajar

Struktur	Jenis Penerbitan	
	Buku ilmiah	Buku kreatif

<p style="text-align: center;">Luaran</p> <p>(aspek kulit, warna kulit, tebal/nipis, dan ciri-ciri fizikal)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Terdapat dua jenis kulit buku, iaitu kulit keras dan lembut. - Mempunyai ilustrasi khusus - Contoh kulit buku keras adalah kamus, buku klasik dan 'coffee table book'. - Contoh buku kulit lembut adalah buku kanak-kanak. 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengikut susunan bab. - Bahasa baku dan bahasa yang mudah difahami. - Rajah dan jadual mengikut format ditunjukkan sebagai fakta.
<p style="text-align: center;">Dalaman</p> <p>(aspek bab, rajah, jadual, bahasa, bahagian buku, dan ciri-ciri dalaman buku)</p>	<p>Kulit buku adalah nipis.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Warna kulit buku adalah menarik kerana menggunakan kombinasi warna yang pelbagai. - Terdapat ilustrasi yang menarik pada muka depan buku. Contohnya, jika buku cerita binatang terdapat gambar binatang pada muka depan buku. - Judul tidak terikat dan ianya bebas mengikut kehendak penulis. - Jenis tulisan adalah kreatif dan tidak formal. 	<p>Tidak mengandungi bab.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cerita dalam sebuah buku ada yang hanya satu cerita dan ada yang lebih daripada satu cerita. - Tidak mempunyai rajah dan jadual. - Bahasa yang digunakan adalah kreatif dan santai. - Mempunyai plot penceritaan iaitu awalan, pertengahan, kemuncak, dan peleraian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memberikan perbincangan buku-buku yang dikaji yang diterapkan dengan bahagian buku oleh Gaya Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Peribahasa Melayu: Penelitian Makna & Nilai. 2011. ISBN 9789673442225, Penerbit UPM, 841 halaman. Pengarang; Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan.

Buku ini mengandungi tujuh (7) bab, iaitu bermula dengan Pengenalan, Simpulan Bahasa, Perumpamaan, Bidalan, Pepatah, Kata-kata Hikmat, dan Rumusan. Istimewanya buku ini menyajikan himpunan peribahasa Melayu, iaitu Kitab Kiliran Budi (Terbitan Pustaka Antara, 1964), kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 1001 Peribahasa Melayu (System Publishing House Pte. Ltd. Singapore, 2000) dan Peribahasa SPM (Pearson Longman, 2008). Objektif murni buku ini dihasilkan untuk menghimpunkan semua peribahasa Melayu untuk dijadikan bahan rujukan pelajar, pengkaji dan sesiapa sahaja yang ingin memahami dan menguasai peribahasa Melayu. Hal ini kerana peribahasa Melayu dicipta oleh masyarakat Melayu yang bijak berfikir, mentaakul secara berfalsafah dengan memanipulasikan bahasa dalam membentuk sesuatu konsep menjadikan peribahasa puitis dengan menggunakan alam benda, flora dan fauna.

Antologi Puisi: Sekuntum Bunga Bahasa di Tangkai Bangsa Berakar Budaya Bertunjang Agama, 2018, ISBN 9789673448074, Penerbit UPM, 108 halaman.

Buku ini disusun atau diselenggara oleh Kamariah Kamarudin, Jusang Bolong dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. Antologi puisi yang memuatkan sebanyak 80 buah sajak ini merupakan hasil kreativiti staf Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang terdiri daripada pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, turut melibatkan Dekan FBMK, Profesor Dr. Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad dan Timbalan Dekan Penyelidikan FBMK, Profesor Madya Dr Jusang Bolong. Usaha yang julung kali untuk memartabat dan mendaulat Melayu dalam kalangan pembaca. Antologi puisi ini ditujukan khas kepada anak muda di kampus Serdang supaya mereka dapat mencintai baha, sastera dan budaya Melayu melalui apresiasi sajak yang dicipta oleh pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, FBMK.

Jadual 2: Struktur luaran dan dalaman yang dikomen berdasarkan satu buku ilmiah dan kreatif

Struktur	Jenis Penerbitan	
	Buku ilmiah	Buku kreatif
	Keris Melayu Semenanjung: Suatu Pengenalan (2015)	Antologi Puisi Sekuntum Bunga Bahasa di Tangkai Bangsa Berakar Budaya Bertunjang Agama
Luaran	Kulit lembut Warna kulit putih & hitam	Lembut Warna menarik: merah jambu

	Ada imej keris sebagai subjek kulit -132 halaman -rupa taip teks Droid Serif Saiz taip teks 9.5/14.5	
Dalaman	-Kata Pengantar daripada Dato' --Naib Canselor UPM -Rujukan; bahan bercetak & temubual bersemuka, melalui media sosial -9 bab - gambar berwarna -keris dan senjata lain (melebihi 100 gambar), saiz gambar berbeza-beza	-Tidak ada jadual & rajah -Kata Pengantar -Tidak ada rujukan - Bahasa yang puitis - 80 sajak

Jadual 2 menunjukkan buku ilmiah dan buku kreatif dapat dikenalpasti dan dianalisis oleh pelajar.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat membuktikan bahawa pelajar Minor Penulisan, FBMK UPM dapat memahami bahagian buku yang diperkenalkan oleh GayabDewan Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ilmiah dan kreatif dapat diteliti dan dikomen berdasarkan pendekatan struktur luaran dan dalaman ini. Ternyata, buku ilmiah lebih formal, sesuai golongan pembaca. Buku kreatif pula, lebih santai tidak terikat struktur dalamannya yang mengutamakan seni berbahasa.

RUJUKAN

- Kamariah Kamarudin, Jusang Bolong & Nik Rafidah Nik Mohamad Affendi. 2018. *Antologi Puisi: Sekuntum Bunga Bahasa di Tangkai Bangsa Berakar Budaya Bertunjang Agama*, Serdang: Penerbit UPM
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. *Peribahasa Melayu:Penelitian Makna & Nilai*. Serdang: Penerbit UPM.

